

Perjanjian Berdarah: Blackrock, Khazanah, GIP, MAHB, EPF

Kerajaan Malaysia juga telah menswastakan sebanyak 39 lapangan terbang di Malaysia di bawah kawalan GIP, sebuah anak syarikat milik penuh Blackrock, antara penaja utama jentera perang U.S.-Israel di Gaza. Pengambilalihan MAHB oleh Blackrock dipimpin oleh konsortium yang melibatkan GLC termasuk Khazanah dan EPF/KWSP. Perjanjian ini menjadikan aset negara Malaysia sebagai sumber keuntungan syarikat zionis.



Blackrock merupakan syarikat pelaburan pro-zionis terpengaruh di Malaysia, mempunyai pelaburan sebanyak RM24.7 bil dalam 100 syarikat tempatan.

Institusi pendidikan di Malaysia dan syarikat pembekal senjata Zionis juga bekerjasama dari segi penyelidikan, perkongsian kepakaran, dan penawaran peluang kerjaya

Universiti Pertahanan Malaysia dan BAE Systems

UPNM merupakan rakan strategik BAE systems, yang menyumbang senjata phosphorus putih, artileri dan missile berpandu kepada rejim zionis


Pameran NATSEC Asia 2024

Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM), Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) terlibat dengan Pameran Natsec 2024, yang menjemput dan mempromosikan pembekal senjata zionis seperti Lockheed, Leonardo, dan BAE Systems.

Apakah tindakan yang perlu diambil?

Terus memberikan tekanan kepada kerajaan Malaysia.

Dedahkan keterlibatan kerajaan dan institusi Malaysia dengan syarikat pro-zionis. Tolak sebarang bentuk normalisasi dengan jentera perang A.S.-Israel. Sebarkan kesedaran dan berikan tekanan mengenai isu ini melalui media sosial, protes awam, forum dan tindakan langsung (direct action).



bit.ly/ gegarsignup



GEGAR sedang membina pasukan yang lebih besar untuk **melancarkan aksi langsung (direct action)** terhadap syarikat pro-zionis melalui gangguan (disruptions), piket, dan taktik protes kreatif yang lain.

Kami memerlukan aktivis yang berani, komited, dan berbakat untuk menyokong misi kami dalam mencabar industri perang A.S.-Israel.

Berminat? Sertai kami!

Ikuti media sosial kami.

📞 bit.ly/ gegarwhatsapp

📠 t.me/g3gar_4merika

-instagram [@gegaramerika](https://www.instagram.com/@gegaramerika)

-twitter [G3G4R_official](https://twitter.com/G3G4R_official)

gegar.org



APAKAH IMPERIALISME?

MEMAHAMI IMPERIALISME, HUBUNGANNYA DENGAN GENOSID DI PALESTIN, DAN PERANAN MALAYSIA DALAM SISTEM IMPERIALIS

Hasil penerbitan

GEGAR



Musuh sebenar kita bukan Israel dan Zionisme sahaja tetapi imperialis Amerika yang menyokong Israel—kerana Israel pelindung kepentingan imperialis Amerika. „

George Habash, revolusioner sosialis dan pengasas Barisan Pembebasan Popular Palestin

Imperialisme, pemusnah utama dunia

Sistem imperialism merupakan **sejenis penjajahan moden** dimana kuasa-kuasa Barat seperti Amerika Syarikat, Britain, dan Jerman menguasai sistem ekonomi dan politik negara Dunia Ketiga di Asia, Afrika, dan Amerika Latin melalui **pemerasan sumber, pencerobohan ekonomi, dan kekerasan ketenteraan**.

Mencetuskan peperangan dan ketidakstabilan untuk meraih keuntungan

Palestin, Yaman, Lubnan, Syria, Iraq, Libya, Somalia, Sudan

Menjarah sumber asli dan tenaga buruh dengan murah melalui sistem ekonomi dan perdagangan tidak adil

Mengenakan sekatan dahsyat untuk jatuhkan persaingan dari ekonomi negara membangun

Iran, Venezuela, India, Haiti, Kuba, Cina

Filipina, Kongo

Di bawah sistem imperialism, Zionisme memainkan peranan penting sebagai pengkalan pengaruh Amerika di rantau Asia dan Timur Tengah.

Zionisme merupakan **ideologi rasis dan supremasi** yang ditubuhkan penjajah British bagi memecahbelahkan Timur Tengah, bermula dengan Deklarasi Balfour. Selepas Perang 1967, Israel berfungsi sebagai **proksi imperialis Amerika** untuk mendominasi Timur Tengah, menjatuhkan ekonomi Arab bagi kepentingan kapitalis Amerika, dan mendapatkan akses kepada sumber seperti minyak.


Perhubungan antara zionisme dan imperialism menurut pejuang pembebasan Palestin



Diadaptasi dari Anwar Abu Taha, ahli Jihad Islam Palestin (PIJ)

Sejak 9/11, sebanyak 4.5 juta nyawa di Palestina, Syria, Afghanistan, Pakistan, Iraq, dan Yaman telah terkorban akibat peperangan dan campur tangan Amerika di Timur Tengah.

Pada masa sama sebanyak **\$14 trillion USD** telah dilaburkan dalam syarikat industri peperangan Amerika seperti **Lockheed Martin, Boeing, General Dynamics, Raytheon, and Northrop Grumman**.



Dimanakah kerajaan Malaysia berada dalam sistem imperialism ini?

Sebagai sekutu Amerika Syarikat terdekat di rantau Asia-Pasifik, Malaysia antara negara utama berkerjasama dengan kerajaan dan tentera imperialis Amerika. Sistem ekonomi Malaysia juga bergantung kuat kepada **Pelaburan Langsung Asing (FDI)** menjadikan kita terus tunduk kepada pasaran global Barat dan institusi kewangan Barat. Akibatnya, **kebanyakan syarikat-syarikat dan institusi Malaysia mengekalkan hubungan material dengan korporat dan entiti ketenteraan Barat yang menyokong rejim zionis dan membiayai pembunuhan beramai-ramai di Palestin**.

Sebagai rakyat Malaysia, retorik pro-Palestin tidak cukup.

Kerajaan Malaysia masih bersubahat dengan jentera perang A.S.-Israel dengan pelbagai cara:

Latihan RIMPAC, Permainan Perang

Setiap dua tahun, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) mengambil bahagian dalam permainan perang ketenteraan (RIMPAC) bersama Amerika dan sekutunya Israel.

Pada 2022, Malaysia menyertai latihan RIMPAC dengan Israel dan Amerika, hanya beberapa hari sebelum Israel melancarkan Operasi Breaking Dawn keatas Gaza. Pada 2024, tentera laut Malaysia turut menyertai latihan RIMPAC ketika Israel sedang mengebom Palestin, Lubnan, Yaman, dan Iran.



NATSEC Asia, Pameran Maut

Pameran senjata dwitahunan anjuran Kementerian Pertahanan Malaysia dan Defence and Security Services Asia. Pameran Natsec pada 2024 menyaksikan pemeteraian kontrak dan MoU sebanyak **5 trillion USD** dengan **syarikat-syarikat pembekal senjata termasuk syarikat zionis seperti Lockheed Martin, MBDA, Bae Systems, dan Leonardo**.



Pelabuhan Kelang, Pangkalan Pembunuhan

Sebagai sekutu rapat Amerika di Asia, imperialis Amerika menggunakan Pelabuhan Kelang dan Selat Melaka sebagai pangkalan strategik dalam peperangan mereka di Timur Tengah.

Pada 2024, Kementerian Pertahanan Malaysia menyambut kedatangan U.S.S. Abraham Lincoln ke Pelabuhan Kelang, kapal perang sama yang digunakan Amerika untuk **mempertahankan kepentingan Israel di Laut Merah** dan **menyerang pejuang Ansarullah yang melawan zionis Israel di Yaman**.

